

Ekonomi Malaysia sudah pulih

UM - 4 JUN 2002

KUALA LUMPUR 3 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sudah pulih sepenuhnya daripada kegawatan ekonomi dengan kembalinya pelabur asing yang membawa modal untuk mewujudkan industri dan pekerjaan.

Perdana Menteri berkata, para pelabur itu juga menghargai peraturan yang jelas dan konsisten untuk menjalankan perniagaan dan kewujudan infrastruktur serta institusi sokongan yang sesuai di negara ini.

"Hari ini, Malaysia sudah kembali sepenuhnya," katanya pada pelancaran rasmi persidangan serantau pertama Pertubuhan Antarabangsa Rangkaian Kesatuan-Rantau Asia Pasifik (UNI-APRO), di sini hari ini.

Dengan perkembangan ini, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata beliau optimis dengan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia melebihi empat peratus tahun ini berdasarkan analisis dan petunjuk yang semakin membe-rangsangkan.

Katanya, beberapa pakar ekonomi telah menyatakan bahawa unjuran pertumbuhan asal sebanyak 3.5 peratus adalah terlalu konservatif sedangkan ia boleh meningkat sehingga enam peratus berbanding tahun lalu.

Katanya, kegiatan perniagaan semakin pesat manakala jumlah pelancong asing yang datang ke

Malaysia telah melepasi paras sebelum peristiwa serangan pengganas 11 September dengan mencatat kemasukan sebanyak 1.2 juta pada Mac lalu.

"Ada daripada mereka yang pakar dalam bidang ekonomi menyatakan kita sepatutnya mencatat pertumbuhan enam peratus, jadi saya rasa saya berhak untuk merasa lebih optimistik," katanya.

Sabtu lalu Perdana Menteri melahirkan keyakinan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia mampu melepasi tahap pertumbuhan empat peratus tahun ini berikutan pemulihan membe-rangsangkan ekonomi negara.

Kerajaan sebelum itu menyatakan KDNK pada tahun 2002 dijangka meningkat sebanyak tiga peratus manakala Bank Negara Malaysia baru-baru ini membuat unjuran sebanyak 3.5 peratus.

Pada suku tahun pertama tahun ini, ekonomi negara berkembang sebanyak 1.1 peratus.

Menurut Perdana Menteri, perangkaan bagi kemasukan pelancong ke negara ini telah menunjukkan lekuk menaik yang baik sejak September lalu.

"Selepas 11 September jumlah pelancong yang selalunya sejuta setiap bulan jatuh kepada 500,000 sebulan, kemudiannya meningkat sedikit kepada 700,000, diikuti oleh 900,000 pada bulan berikutnya.

"Pada Mac lalu, kita mencatat

1.2 juta kemasukan pelancong, jadi nampaknya lekuk itu semakin meningkat," ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir dalam ucapannya sebelum itu menyatakan Malaysia sudah pulih sepenuhnya melalui tindakan kerajaan menyekat kejatuhan ringgit dan menstabilkan ekonomi.

"Hari ini pelabur asing, iaitu mereka yang benar-benar membawa masuk modal bagi membuka industri dan peluang kerja telah kembali dan mereka dijamin persekitaran pelaburan yang mesra serta mendapat faedah daripada kestabilan ringgit.

"Mereka juga menghargai peraturan yang jelas dan konsisten untuk menjalankan perniagaan dan kewujudan infrastruktur serta institusi sokongan yang sesuai.

"Hari ini, Malaysia sudah kembali sepenuhnya," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa pasaran mata wang bukanlah sesuatu yang kudus dan ia tidak terhad kepada pedagang mata wang sahaja.

"Kerajaan mempunyai peranan di dalamnya dan ia prihatin bukan sahaja dalam membuat keuntungan seperti halnya para pedagang. Yang menjadi keprihatinan kerajaan ialah kebajikan rakyat dan prestasi di kalangan syarikat," katanya.